



TAKLIMAT TENDER (TEKNIKAL)

**KERJA-KERJA MENAIKTARAF SISTEM AUDIO VISUAL
DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN
DI KOMPLEKS PERBADANAN PUTRAJAYA, PRESINT 3, WILAYAH
PERSEKUTUAN PUTRAJAYA.**



(PPJ/JB/T/70/2021)

Oleh :

- Jabatan Kejuruteraan & Penyelenggaraan ,
Perbadanan Putrajaya

RINGKASAN TENDER

- Pemilik : Perbadanan Putrajaya
- Agan Peraksana : Perbadanan Putrajaya
- Syarat Memasuki Tender : **Kontraktor Bumiputera** Yang Mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** Berdaftar Dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** Dalam **Gred G5 ATAU G6 ATAU G7, Kategori ME, Pengkhususan E01 & E11** Dan Berdaftar Dengan **PKK Untuk Taraf Bumiputera.**
- Taklimat Tender : Taklimat Dijalankan Secara Atas Talian (**Dalam bentuk Slide**) pada **15 Julai 2021 (Khamis)** di pautan berikut <https://www.ppj.gov.my/main-menu/tender-sebut-harga>. **Lawatan Tapak Tidak Diwajibkan.**
- Tarikh Jualan Tender : **15 Julai 2021 (Khamis) – 04 Ogos 2021 (Rabu)**
- Tarikh Tutup Tender : **18 Ogos 2021 (Rabu) 12.00 Tengahari**
- Pengemukaan Sebut Harga : Seksyen Perolehan & Bekalan Perkhidmatan
Jabatan Kewangan,
Aras 1, Blok C,
Kompleks Perbadanan Putrajaya
- Harga Dokumen Sebut Harga : **RM 300.00 (Tunai/Draf Bank)**
- Lain-lain : Kontraktor dikehendaki untuk mempunyai pengalaman dan pernah menyiapkan kerja-kerja yang **BERKAITAN** bernilai sekurang-kurangnya **RM 150,000.00** bagi satu (1) kontrak dalam tempoh lima (5) tahun terdahulu.
- Wakil-wakil kontraktor adalah **diwajibkan** untuk membawa surat perwakilan kuasa yang ditandatangani oleh **Pemilik Syarikat** untuk membeli dokumen tender.
- Petender hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan Tender ini. Pembayaran secara cek persendirian untuk Dokumen Tender tidak akan diterima. Bayaran dokumen Tender tidak akan dikembalikan

NOTIS

KENYATAAN TENDER

1. Tender adalah dipelawa kepada Kontraktor yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) dalam Gred, Kategori dan Pengkhususan yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini serta mempunyai pengalaman, keupayaan teknikal dan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan projek tersebut di bawah.
2. Tender serta kelayakan asas Kontraktor adalah seperti berikut:

NO	NAMA TENDER	SYARAT MEMASUKI TENDER	SYARAT KELAYAKAN PENGALAMAN KERJA	HARGA DOKUMEN, BENTUK BAYARAN & BAYARAN ATAS NAMA	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT/LAWATAN TAPAK
	KERJA-KERJA MENAIKtarAF SISTEM AUDIO VISUAL DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI KOMPLEKS PERBADANAN PUTRAJAYA, PRESINT 3, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA NO.TENDER : PPJ/IB/T/70/2021	Gred: G5 atau G6 atau G7 Kategori: ME Khusus: E01 dan E11 dan Berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) Untuk Taraf Bumiputera	Mempunyai pengalaman dan pernah menyiapkan kerja-kerja yang berkaitan bernilai sekurang-kurangnya RM150,000.00 bagi (1) kontrak dalam tempoh 5 tahun terdahulu.	Ringgit Malaysia RM300.00 (Tidak Dikembalikan) Tunal/Draf Bank Perbadanan Putrajaya	Taklimat Dijalankan Secara Atas Talian (Dalam Bentuk Slide) mulai 15 Julai 2021 (Khamis) di pautan berikut: https://www.ppj.gov.my/main-menu/tender-sebut-harga Lawatan Tapak Tidak Diwajibkan
					TARIKH DAN TEMPAT DOKUMEN MULA DIJUAL TARIKH JUALAN: 15/07/2021 hingga 04/08/2021 MASA OPERASI: 9.00 PAGI – 4.00 PTG Isnin hingga Jumaat (kecuali cuti umum) TEMPAT JUALAN: Kaunter Jualan Tender/Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya

NOTIS

(smbg)

3. Kontraktor juga mesti memenuhi kriteria kelayakan seperti berpengalaman sebagaimana dinyatakan di dalam jadual tajuk projek tersebut. Kontraktor yang berminat boleh mendapatkan maklumat berkaitan tender berkenaan pada pautan Portal Perbadanan Putrajaya. Dokumen Meja Tender boleh disemak dan Dokumen Tender boleh diperolehi di pejabat tersebut pada waktu pejabat.
4. Selaras dengan saranan kerajaan dalam usaha membendung penularan pandemik COVID-19, operasi kaunter tender/ sebut harga dibuka kepada orang awam melalui **JANJI TEMU** dan hanya pelanggan yang mempunyai janji temu sahaja dibenarkan hadir berurusan. Untuk membuat janji temu, pihak syarikat dikehendaki mengisi Borang Janji Temu yang boleh didapati di pautan di atas dan permohonan 1 slot janji temu hanyalah dibenarkan untuk 1 urusan pembelian tender sahaja.
5. Dokumen Tender hanya akan dikeluarkan kepada wakil-wakil Kontraktor yang sah sahaja di mana wakil-wakil Kontraktor adalah **DIWAJIBKAN** untuk membawa surat perwakilan kuasa yang ditandatangani oleh pemilik syarikat. Wakil-wakil Kontraktor juga hendaklah membawa dokumen-dokumen asal dan satu (1) salinan **Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), dan Sijil Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) (Jika Berkaitan)**. Salinan Sijil-sijil Pendaftaran PKK boleh diterima jika disahkan oleh Pengarah PKK.
6. Tender ini akan ditutup pada **18 OGOS 2021** bersamaan hari **Rabu, jam 12.00 tengah hari**. Dokumen Tender yang dilengkapkan dan dimasukkan ke dalam sampul berlakri serta bertanda dengan tajuk projek, hendaklah dikemukakan ke alamat seperti di bawah:

**SEKSYEN PEROLEHAN & BEKALAN PERKHIDMATAN,
JABATAN KEWANGAN,**

**ARAS 1, BLOK C, PERBADANAN PUTRAJAYA, KOMPLEKS PERBADANAN PUTRAJAYA,
24, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 3, 62675 PUTRAJAYA**

7. Penyerahan dokumen kepada Perbadanan Putrajaya akan dilaksanakan melalui perkhidmatan kiriman pos berdaftar/ kurier dengan syarat-syarat seperti berikut:
 - i. Segala kos penghantaran ditanggung sepenuhnya oleh petender;
 - ii. Petender hendaklah memastikan dokumen yang dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup tender selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dipertimbangkan;
 - iii. Perbadanan Putrajaya tidak akan bertanggungjawab sekiranya dokumen yang dihantar rosak/hilang; dan
 - iv. Sebarang tuntutan kerugian yang timbul dalam pelaksanaan ini tidak akan dipertimbangkan.
8. Petender hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan tender ini. Pembayaran secara cek persendirian untuk Dokumen Tender tidak akan diterima. Bayaran Dokumen Tender tidak akan dikembalikan. Sila ambil perhatian, Perbadanan Putrajaya tidak akan mengeluarkan sebarang dokumen bagi tujuan kebenaran merentas negeri/daerah. Kontraktor/wakil yang berurusan di kaunter jualan tender/sebut harga dikehendaki mematuhi S.O.P. yang telah ditetapkan.

KENYATAAN INI JUGA TERDAPAT DI LAMAN WEB PERBADANAN PUTRAJAYA DI ALAMAT:

www.ppj.gov.my

SKOP KERJA

1. Kontraktor akan menjalankan **KERJA-KERJA MENAIKTARAF SISTEM AUDIO VISUAL DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI KOMPLEKS PERBADANAN PUTRAJAYA, PRESINT 3, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA.**
2. Skop kerja utama seperti yang dinyatakan di dalam Senarai Kuantiti adalah seperti berikut :-
 - 2.1 Kerja-Kerja Awalan (Preliminaries);
 - Menyediakan Bon Pelaksanaan
 - Menyediakan jadual pelaksanaan dalam bentuk *Microsoft Project*, carta organisasi, *Method Statements*;
 - Menyediakan dokumen *Shop Drawings, Samples Material, Catalogue*;
 - Menyediakan laporan bulanan (*Progress Report*);
 - Memastikan tapak kerja sentiasa bersih;
 - Menyediakan pekerja, kelengkapan (*tools*), permit, peralatan (termasuk *scaffolding*) yang mencukupi bagi melaksanakan kerja-kerja ditapak;
 - Mengadakan *site visit to latest company product installation*;
 - Mengadakan pengujian dan pentauliahan serta sesi latihan bagi sistem yang dipasang.
 - Mengadakan sesi *End User Training/Tuition Course*

SKOP KERJA

2.2 Membekal , Mengganti, Memasang Dan Memprogram Lengkapan Baru
(**SILA RUJUK FORM G1 : JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI TEKNIKAL**);

LOKASI : AUDITORIUM CEMPAKA SARI

- Profesional Fullrange Sound Reinforcement System 3 Way Compact Line Array Element Speaker System For Fullrange;
- Stage Fill and Monitor Speaker System;
- Controller, Microphone and All Accessory;
- Visual Projection System (**LED Display Panel 10m x 7.5m**, SMART TV, LED Monitors and others);
- Integrated and Remote Control System;
- Installation and Engineering Works;

LOKASI : DEWAN SERI SIANTAN

- Profesional Fullrange Sound Reinforcement System 3 Way Compact Line Array Element Speaker System For Fullrange;
- Controller, Microphone and All Accessory;
- Visual Projection System;
- Integrated and Remote Control System;
- Installation and Engineering Works;

SKOP KERJA

LOKASI : BILIK MESYUARAT TANJUNG

- Visual Projection System;
- Integrated and Remote Control System;
- Digital Audio Conference System;
- Installation and Engineering Works;

LOKASI : BILIK MESYUARAT KESIDANG

- Visual Projection System;
- Integrated and Remote Control System;
- Digital Audio Conference System;
- Installation and Engineering Works;

LOKASI : BILIK MESYUARAT PRESIDEN

- Visual Projection System;
- Integrated and Remote Control System;
- Installation and Engineering Works;

SKOP KERJA

LOKASI : BILIK MESYUARAT ARAS 5 BLOK A, B, C & D (ANGSANA, BAKAWALI, CEMARA & DAHLIA)

- Profesional Fullrange Sound Reinforcement System;
- Visual Projection System and Integrated Control System;
- Digital Audio Conference System;
- Electrical and Civil Works;

2.3 Provisional Sum;

- Kerja-kerja pendawaian semula sistem elektrik serta penambahbaikan komponen di dalam papan agihan sedia ada berdasarkan keperluan di tapak

3. Kontraktor perlu menyiapkan kerja yang dinyatakan dalam tempoh yang telah ditetapkan iaitu **enam (6) bulan**.
4. Kontraktor bertanggungjawab untuk memastikan kerja-kerja dilaksanakan atau dipantau oleh orang Kompeten.

SKOP KERJA

- Kerja-kerja menaiktaraf sistem dan peralatan audio visual dan integrasi di Kompleks Perbadanan Putrajaya.
- Kerja-kerja Menanggal lengkapan Speaker, Projektor, Monitor Skrin dan Conference Sistem sedia ada;
- Kerja-kerja Membekal dan Memasang LED Skrin, LED Monitor dan Laser Projektor;
- Kerja-kerja Membekal dan Memasang Speaker;
- Kerja-kerja Membekal dan Memasang Power Amplifier dan Digital Audio Mixing Console ;
- Kerja-kerja Membekal dan Memasang Recorder, Blu-Ray Player dan Wireless Microphone ;
- Kerja-kerja Membekal, Memasang dan Memprogram Integrated And Remote Control System;
- Kerja-kerja Membekal dan Memasang Conference Mic;
- Kerja-kerja Membekal Microphone, Cable Microphone dan Snake Cable;


PROSEDUR OPERASI STANDARD DAN GARIS PANDUAN

KEBENARAN BEROPERASI SERTA PERGERAKAN PEKERJA DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Perkara Yang Perlu Dipatuhi


1. Pemakluman Kebenaran Beroperasi yang dikeluarkan oleh pihak Perbadanan Putrajaya (PPj) hendaklah dipamerkan dengan jelas di tapak bina/premis.
2. Semua pihak yang terlibat dengan kerja-kerja pembangunan hendaklah mematuhi Garis Panduan Amalan Langkah Pencegahan Covid-19 yang dikeluarkan oleh CIDB dan juga oleh Kementerian atau Agensi berkaitan.
3. SEMUA PEKERJA yang terlibat WAJIB menjalani UJIAN MAKMAL COVID-19, sebelum kerja dilaksanakan di tapak. Salinan rekod keputusan Ujian Makmal perlu dikemukakan kepada PPj.
4. Kontraktor/Syarikat perlu mengemukakan kepada PPj senarai pekerja yang terlibat.
5. Kontraktor/Syarikat perlu memastikan pekerja asing yang bekerja mempunyai permit kerja yang sah.
6. Pekerja yang baru pulang dari luar negara tidak dibenarkan bekerja selama 14 hari dari tarikh sampai ke Malaysia dan perlu menjalani proses kuarantin.
7. Kontraktor/Syarikat perlu menyediakan alat saringan suhu badan atau *thermal scanner* serta saringan gejala batuk, sakit tekak atau sesak nafas. Pengukuran suhu badan dan saringan gejala perlu dilakukan setiap hari.
8. Sekiranya suhu badan ialah 37.5°C atau lebih, atau mempunyai gejala, pekerja tidak dibenarkan memasuki premis.
9. Waktu pengoperasian kerja bermula dari 8.00pagi hingga 6.00petang, 6 hari seminggu (Isnin – Sabtu).
10. Kerja pertukangan perlu dibuat di kilang/bengkel dan hanya kerja pemasangan dilaksanakan di tapak bina.
11. Sekiranya terdapat pekerja yang dijangkiti Covid-19, Kontraktor/Syarikat perlu **MEMBERHENTIKAN DAN MENUTUP KAWASAN TAPAK BINA** dengan SERTA MERTA dan memaklumkan kepada PPj dan Agensi berkaitan.
12. Kontraktor/Syarikat perlu menanggung sepenuhnya semua kos perubatan, proses nyah kuman dan lain-lain kos berkaitan. Perlu memberi kerjasama sepenuhnya kepada Kementerian Kesihatan Malaysia dalam melaksanakan *contact tracing* sekiranya pekerja didapati dijangkiti Covid-19.
13. Kontraktor/Syarikat perlu memastikan pengangkutan bagi pergerakan pekerja adalah dari kediaman ke tapak kerja dan mengamalkan *social/safe distancing*.
14. Kontraktor/Syarikat perlu memberi pemahaman terhadap garis panduan menangani Covid-19 kepada setiap pekerja.

WILAYAH PERSEKUTUAN
PUTRAJAYA
PPJ, Presint 3.



**KOMPLEKS PERBADANAN
PUTRAJAYA, PRESINT 3.**

AV Rack




Projektor



Conference System



Monitor Speaker — Monitor Screen



Mixer



**SEBARANG PERTANYAAN BERKAITAN TENDER
BOLEH DIAJUKAN KEPADA :-**

Presiden

Perbadanan Putrajaya

Seksyen Perolehan & Bekalan Perkhidmatan

Jabatan Kewangan

Aras 1, Blok C, Kompleks Perbadanan Putrajaya

24, Persiaran Perdana, Presint 3

62675 PUTRAJAYA

(u.p. :Naib Presiden (Kewangan))

No.Telefon : 03 – 8000 8000 (sambungan 8051)

Emel : bpub@ppj.gov.my

SEKIAN, TERIMA KASIH

